

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Alam Sekitar
Sent: Sunday, May 21, 2017 3:40 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Nurhazani Bt Mohd Shariff; Johan Afendi Bin Ibrahim; Dr. Kamal Izzuwan bin Ramli; Yus Asma Bt Yusoff
Subject: KUNJUNGAN WAKIL RNS HOLIDAYS SDN. BHD. KE PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA (STHEM) UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN KERJASAMA



**PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA**

SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND EVENT MANAGEMENT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' /Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan.



PPPPHAS 3 MEI 2017. STHEM telah menerima kunjungan dari tiga wakil RNS Holidays Sdn. Bhd. dengan diketuai oleh En. Azlan Hadi, Pengurus Jualan dan Pemasaran, Cik Lia, Eksekutif Pemasaran dan seorang lagi eksekutif. RNS Holidays Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat tempatan yang berdaftar dalam bidang Pelancongan dan Pengembaraan dan telah mendapat kepercayaan dilantik sebagai agen kepada Malaysia Airlines sejak sekian lama.

Kunjungan julung-julung kali ke STHEM ini diadakan bagi memperkenalkan kepada STHEM produk-produk pelancongan dan pengembaraan yang disediakan oleh RNS Holidays serta meninjau peluang-peluang mengadakan kerjasama dalam bidang Pelancongan serta Pengembaraan. Di samping itu, RNS Holidays Sdn. Bhd. juga boleh menawarkan tempat-tempat kepada pelajar UUM yang ingin mengadakan latihan praktikum dengan RNS Holidays atau syarikat-syarikat di bawah satu payung yang sama dengan RNS Holidays.

Satu perbincangan dua hala telah turut diadakan di Bilik Mesyuarat STHEM selama dua jam dan telah dikendalikan oleh Timbalan Dekan STHEM iaitu Dr. Johan Afendi Ibrahim yang mewakili Dekan Pusat Pengajian. Perbincangan ini turut dihadiri oleh Penyelaras Hospitaliti, En. Muharis Mohamed dan Ketua Penolong Pendaftar, Puan Yus Asma Yusoff. Turut serta ialah wakil dari persatuan pelajar STHEM yang turut sama mendengar dan berbincang program-program yang boleh dimanfaatkan bersama dengan RNS Holidays Sdn. Bhd.

Hasil rumusan perbincangan tersebut tercapai dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan kerjasama lanjut selepas ini. Tamat.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA

College of Law, Government & International Studies
Universiti Utara Malaysia



Universiti Pengurusan Terkemuka



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.